



SESI Bergambar bersama ahli Kelam Sahabat Yadim UMS.

Sahabat Yadim UMS anjur program Outreach

UB 14.3.2019 B2

KOTA KINABALU: Seramai 81 pelajar SMK Mat Salleh Ranau dan 40 pelajar UMS menjayakan program Outreach Sahabat Yadim UMS yang diadakan di SMK Mat Salleh Ranau, pada 1 hingga 3 Mac lepas.

Program ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan komuniti antara mahasiswa/i UMS dengan pihak sekolah.

Ia juga menjadi platform kepada pelajar UMS untuk menjadi seorang fasilitator yang mempunyai nilai di mata masyarakat.

Selain itu, ia juga memberi motivasi dan kesedaran kepada pelajar untuk menjadi pelajar berguna, berkongsi cara dan panduan hala tuju

para pelajar selepas STPM, pengurusan masa yang betul dan melahirkan pelajar yang berkarisma dengan mempunyai jati diri yang tersendiri.

Diantara pengisian program adalah Ice Breaking, Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Kuliah subuh dan slot moral, Slot menghasilkan Resume, Malam Alpha (Slot Kesedaran dan keinsafan), Hala Tuju Selepas STPM (Bersama fasilitator), Explorace (focus : kerja berpasukan & hormat ketua) dan Menjadi Insan Berwawasan.

Sepanjang 3 hari 2 malam, program ini memberikan banyak input yang positif kepada para peserta.

Pengetua cemerlang SMK

Mat Salleh Ranau, Majus Munsing berpuas hati dengan setiap input yang mereka perolehi sepanjang program.

Beliau menyifatkan program Outreach Sahabat Yadim adalah satu program yang sangat bermanfaat dan mencapai objektif utama pihak sekolah. Beliau juga meminta agar program ini diteruskan setiap tahun.

Program ini turut dihadiri oleh Pengetua Cemerlang DG54, Majus Munsing Penolong Kanan Tingkatan 6, Muhili Paidi, Ketua HEM Tingkatan 6, Haji Gahamat Silun dan Ustaz Muhammad Fazri Bin Abdul Hamid, Penyelaras Kelab Sahabat Yadim UMS.